

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001


HPW 102 - Pemikiran Kritis

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILANBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.
2. Bagi soalan-soalan di dalam Bahagian A calon-calon diperingatkan:
 - i. Menjawab di atas kertas jawapan objektif yang disediakan.
 - ii. Gunakan hanya **PENSIL 2B** sahaja.
 - iii. Markah akan dipotong bagi setiap jawapan yang salah.
 - iv. Hitamkan ruang jawapan dengan betul/penuh (lihat contoh di bawah) dan,
 - v. Padamkan dengan betul jika anda hendak menukar jawapan.



3. Gunakan kod-kod Pusat Pengajian anda seperti berikut:

01	-	Ilmu Kemanusiaan
02	-	Sastera (Pendidikan)
03	-	Sains Kemasyarakatan
04	-	Sains
17	-	Pendidikan (Sastera)
19	-	Komunikasi
22	-	Teknologi Industri
25	-	Sains Gunaan
33	-	Sastera (Terjemahan & Interpretasi)
34	-	Sastera (Bahasa Inggeris & Kesusasteraan)

4. Kertas jawapan objektif [**Bahagian A**] akan dikutip selepas **SATU** [1] jam masa peperiksaan.
5. Kertas soalan ini **tidak boleh** dibawa keluar daripada tempat peperiksaan.

BAHAGIAN A [50%]

Untuk menjawab soalan 1 hingga 26, sila tumpukan perhatian anda kepada pernyataan-pernyataan berikut:

- I. Hanya sampel tanah yang mengandungi karat berasal dari planet Marikh.
 - II. Beberapa sampel tanah dari planet Marikh mengandungi karat.
 - III. Beberapa sampel tanah yang mengandungi karat berasal dari planet Marikh.
 - IV. Beberapa sampel tanah dari planet Marikh tidak mengandungi karat.
 - V. Tiada sampel tanah dari planet Marikh yang mengandungi karat.
 - VI. Tiada sampel tanah dari planet Marikh yang tidak mengandungi karat.
1. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
 - A. II dan III sahaja.
 - B. II, III dan VI sahaja.
 - C. VI sahaja.
 - D. IV dan V sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
 2. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
 - A. IV sahaja.
 - B. IV dan V sahaja.
 - C. III, IV dan V sahaja.
 - D. III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

3. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan IV merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
 - A. II dan III sahaja.
 - B. II, III dan VI sahaja.
 - C. VI sahaja.
 - D. IV dan V sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
4. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan IV merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
 - A. III dan V sahaja.
 - B. V sahaja.
 - C. III sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.
5. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRADIKSI dengan pernyataan I?
 - A. V sahaja.
 - B. IV sahaja.
 - C. IV dan V sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang berkontradiksi dengan pernyataan I.
6. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRARI dengan pernyataan I?
 - A. IV sahaja.
 - B. V sahaja.
 - C. IV dan V sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang berkontrari dengan pernyataan I.

7. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan II merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. IV sahaja.
 - B. IV dan V sahaja.
 - C. V sahaja.
 - D. I, III dan VI sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
8. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan II merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. III sahaja.
 - B. I, III dan VI sahaja.
 - C. I dan VI sahaja.
 - D. IV dan V sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.
9. Pernyataan yang manakah yang MEMPUNYAI MAKSUD YANG SAMA dengan pernyataan I?
- A. II, III dan VI sahaja.
 - B. VI sahaja.
 - C. III sahaja.
 - D. II sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud yang sama dengan pernyataan I.

10. Pernyataan yang manakah yang **MEMPUNYAI MAKSUD YANG SAMA** dengan pernyataan II?
- A. I, III dan VI sahaja.
 - B. VI sahaja.
 - C. III sahaja.
 - D. I sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud yang sama dengan pernyataan II.
11. Pernyataan yang manakah yang **BERSUBKONTRARI** dengan pernyataan II?
- A. IV dan VI sahaja.
 - B. VI sahaja.
 - C. IV sahaja.
 - D. I sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang bersubkontrari dengan pernyataan II.
12. Pernyataan yang manakah yang **SEMESTINYA BENAR** jika pernyataan III merupakan suatu pernyataan yang **TIDAK BENAR**?
- A. IV sahaja.
 - B. IV dan V sahaja.
 - C. V sahaja.
 - D. II sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
13. Pernyataan yang manakah yang **SEMESTINYA TIDAK BENAR** jika pernyataan III merupakan suatu pernyataan yang **TIDAK BENAR**?
- A. I dan VI sahaja.
 - B. I, II dan VI sahaja.
 - C. II sahaja,
 - D. VI sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

14. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
- A. IV dan VI sahaja.
 - B. IV sahaja.
 - C. VI sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
15. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan V merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
- A. I dan VI sahaja.
 - B. I, II, III dan VI sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. I sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.
16. Pernyataan yang manakah yang DIPLIKASIKAN oleh pernyataan I?
- A. II dan III sahaja.
 - B. II sahaja.
 - C. III sahaja.
 - D. II, III dan VI sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang diplikasikan oleh pernyataan I.

17. Pernyataan yang manakah yang DIIMPLIKASIKAN oleh pernyataan II?
- A. I, III dan VI sahaja.
 - B. III sahaja.
 - C. I sahaja.
 - D. VI sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan II.
18. Pernyataan yang manakah yang DIIMPLIKASIKAN oleh pernyataan III?
- A. I, II dan VI sahaja.
 - B. II sahaja.
 - C. I dan VI sahaja.
 - D. IV sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan III.
19. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
- A. II dan III sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. I sahaja.
 - D. IV dan V sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
20. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang BENAR?
- A. IV sahaja.
 - B. IV dan V sahaja.
 - C. V sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

21. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. IV dan V sahaja.
 - B. IV sahaja.
 - C. V sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
22. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan I merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. II, III dan VI sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. VI sahaja.
 - D. II sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.
23. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. IV dan V sahaja.
 - B. IV sahaja.
 - C. V sahaja.
 - D. II dan III sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya benar.
24. Pernyataan yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR jika pernyataan VI merupakan suatu pernyataan yang TIDAK BENAR?
- A. I sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. II sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang semestinya tidak benar.

25. Pernyataan yang manakah yang **MEMPUNYAI MAKSUD YANG SAMA** dengan pernyataan VI?
- A. I, II dan III sahaja.
 - B. II sahaja.
 - C. III sahaja.
 - D. I sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang mempunyai maksud yang sama dengan pernyataan VI.
26. Pernyataan yang manakah yang **DIIMPLIKASIKAN** oleh pernyataan VI?
- A. I sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. IV sahaja.
 - E. Tiada pernyataan yang diimplikasikan oleh pernyataan VI.
27. Pakar Logik Orang Gila.

John

(*)Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah (silogisme) berikut:

- A. John bukan seorang pakar logik kerana semua pakar logik ialah orang gila.
- B. John bukan seorang pakar logik kerana hanya orang gila ialah pakar logik.
- C. John bukan seorang pakar logik kerana tiada pakar logik yang gila.
- D. John ialah seorang pakar logik kerana hanya pakar logik merupakan orang gila.
- E. John ialah seorang pakar logik kerana tiada orang gila yang bukan pakar logik.

28.

Bacillus M.

Virus

Mikrob

(*)Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah berikut:

- A. Tiada virus yang merupakan mikrob, jadi Bacillus M. bukan seekor virus.
- B. Tiada virus yang merupakan mikrob, jadi Bacillus M. bukan seekor mikrob.
- C. Semua virus ialah mikrob, jadi Bacillus M. ialah seekor mikrob.
- D. Semua mikrob ialah virus, jadi Bacillus M. bukan seekor mikrob.
- E. Semua virus ialah mikrob, jadi Bacillus M. bukan seekor virus.

29.

Monyet Belanda

Berfikiran Jelas

Kaiser

- 11 -

...11/-
[HPW102]

(*)Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah (silogisme) berikut:

- A. Kaiser tidak berfikiran jelas, kerana hanya mereka yang berfikiran jelas merupakan monyet Belanda.
 - B. Kaiser tidak berfikiran jelas, kerana tiada monyet Belanda yang berfikiran jelas.
 - C. Kaiser tidak berfikiran jelas, kerana semua monyet Belanda berfikiran jelas.
 - D. Kaiser berfikiran jelas, kerana hanya monyet Belanda yang berfikiran jelas.
 - E. Kaiser berfikiran jelas, kerana hanya mereka yang berfikiran jelas merupakan monyet Belanda.
30. Monyet Belanda

Berfikiran Jelas

Orang Gila

(*Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah (silogisme) berikut:

- A. Semua monyet Belanda adalah gila, jadi hanya mereka yang berfikiran jelas merupakan monyet Belanda.
- B. Semua monyet Belanda adalah gila, jadi tiada monyet Belanda yang berfikiran jelas.
- C. Tiada monyet Belanda yang gila, jadi hanya monyet Belanda yang berfikiran jelas.
- D. Tiada monyet Belanda yang gila, jadi hanya mereka yang berfikiran jelas merupakan monyet Belanda.
- E. Tiada monyet Belanda yang gila, jadi semua monyet Belanda berfikiran jelas.

31.

Cyrus X

Bintang Neutron

Bintang Yang Berputar Lebih
Daripada Sepuluh
Kali Dalam Masa Satu Saat

(*Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah (silogisme) berikut:

- A. Cyrus X berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat kerana hanya bintang neutron berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat.
- B. Cyrus X berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat kerana hanya bintang yang berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat merupakan bintang neutron.
- C. Cyrus X berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat kerana beberapa bintang neutron berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat.
- D. Cyrus X merupakan sebuah bintang neutron kerana tiada bintang neutron yang tidak berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat.
- E. Cyrus X merupakan sebuah bintang neutron kerana hanya bintang neutron yang berputar lebih daripada sepuluh kali dalam masa satu saat.

32.

Pakar Kosmologi

Orang Gila

Profesor Stephen Hawking

(*Soalan: Gambarajah Venn di atas mewakili hujah (silogisme) berikut:

- A. Profesor Stephen Hawking bukan seorang pakar kosmologi kerana hanya orang gila merupakan pakar kosmologi.
 - B. Profesor Stephen Hawking bukan seorang pakar kosmologi kerana tiada pakar kosmologi yang merupakan orang gila.
 - C. Profesor Stephen Hawking bukan seorang pakar kosmologi kerana hanya pakar kosmologi yang merupakan orang gila.
 - D. Profesor Stephen Hawking mestilah seorang yang gila kerana hanya orang gila menjadi pakar kosmologi.
 - E. Profesor Stephen Hawking mestilah seorang yang gila kerana hanya pakar kosmologi yang merupakan orang gila.
33. Sila tumpukan perhatian anda kepada ayat-ayat berikut:
- I. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya tidak benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti tidak benar.
 - II. Kalau sesuatu hujah bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti benar.
 - III. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kedua-dua premisnya benar, maka kesimpulannya semestinya benar.
 - IV. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kedua-dua premisnya tidak benar, maka kesimpulannya semestinya tidak benar.

Soalan: Antara I hingga IV yang tersebut di atas, ayat (atau ayat-ayat) yang manakah yang semestinya benar?

- A. I dan II sahaja.
- B. III dan IV sahaja.
- C. I sahaja.
- D. III sahaja.
- E. Tiada ayat yang semestinya benar.

34. Sila tumpukan perhatian anda kepada ayat-ayat berikut:

- I. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kedua-dua premisnya benar, maka kesimpulannya semestinya benar.
- II. Kalau sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kedua-dua premisnya tidak benar, maka kesimpulannya semestinya tidak benar.
- III. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu VALID dan kesimpulannya tidak benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti tidak benar.
- IV. Jika sesuatu hujah bercorak silogisme itu VALID dan kesimpulannya benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mestilah benar.

Soalan: Antara I hingga IV yang tersebut di atas, ayat (atau ayat-ayat) yang manakah yang semestinya benar?

- A. I dan IV sahaja.
 - B. I dan III sahaja.
 - C. I sahaja.
 - D. I, II, III dan IV sahaja.
 - E. Tiada ayat yang semestinya benar.
35. Sila tumpukan perhatian anda kepada ayat-ayat berikut:
- I. Sebuah hujah bercorak silogisme yang VALID tidak akan mempunyai premis-premis yang tidak benar dan kesimpulan yang benar.
 - II. Sebuah hujah bercorak silogisme yang VALID tidak akan mempunyai premis-premis yang benar dan kesimpulan yang tidak benar.
 - III. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya tidak benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti tidak benar.
 - IV. Jika sesuatu hujah yang bercorak silogisme itu TIDAK VALID dan kesimpulannya benar, maka sekurang-kurangnya satu daripada premis-premisnya mesti benar.

Soalan: Antara I hingga IV yang tersebut di atas, ayat (atau ayat-ayat) yang manakah yang semestinya benar?

- A. I sahaja.
 - B. II sahaja.
 - C. II dan IV sahaja.
 - D. I dan III sahaja.
 - E. Tiada ayat yang semestinya benar.
36. Sila tumpukan perhatian anda kepada hujah-hujah berikut:
- I. Kaiser mesti merupakan seekor monyet Belanda yang berfikiran jelas, kerana tiada monyet Belanda yang tidak berfikiran jelas.
 - II. Kaiser harus merupakan seekor binatang yang bijaksana dan berfikiran jelas, kerana hingga sekarang tiada seekor monyet Belanda yang tidak bijaksana dan berfikiran jelas; dan Kaiser memang seekor monyet Belanda.
 - III. Jika hingga sekarang masih tiada seekor monyet Belanda yang berfikiran jelas, maka Kaiser, seekor monyet Belanda yang hidup di Pulau Pinang, mesti tidak berfikiran jelas.
 - IV. Jika hingga sekarang tiap-tiap monyet Belanda yang ditemui di Pulau Pinang merupakan seekor binatang yang bijaksana dan berfikiran jelas, dan Kaiser merupakan seekor monyet Belanda yang hidup di Pulau Pinang, maka Kaiser mestilah seekor binatang yang bijaksana dan berfikiran jelas.
 - V. Hingga sekarang tiap-tiap monyet Belanda yang ditemui di Pulau Pinang tidak berfikiran jelas, dan Kaiser ialah seekor monyet Belanda yang hidup di Pulau Pinang. Jadi Kaiser mesti tidak berfikiran jelas.

Soalan: Apakah hujah (atau hujah-hujah) INDUKTIF yang tersebut di atas?

- A. V sahaja.
 - B. II dan V sahaja.
 - C. II, III, IV dan V sahaja.
 - D. II sahaja.
 - E. Tiada hujah induktif yang tersebut di atas.
37. Sila tumpukan perhatian anda kepada hujah-hujah berikut:
- I. Jika setiap pagi Profesor Logik menelan kepala sendiri selepas dia minum Milo campur dengan garam dan sos tomato, maka pagi esok Profesor Logik tentu akan menelan kepala sendiri selepas dia minum Milo campur dengan garam dan sos tomato.
 - II. Profesor Logik tentu akan menelan kepala sendiri pagi ini, selepas dia minum Milo campur dengan minyak kereta. Ini kerana setiap pagi Profesor Logik telah menelan kepala sendiri selepas dia minum Milo campur dengan minyak kereta.
 - III. Tiap-tiap pagi Profesor Logik menelan kepala sendiri selepas dia minum kopi pahit campur dengan garam dan sos tomato. Jadi saya yakin hari esok Profesor Logik tentu akan menelan kepala sendiri selepas dia minum kopi pahit campur dengan garam dan sos tomato.
 - IV. Jika setiap pagi Profesor Logik minum minyak kereta campur dengan cecair asid, maka pagi ini Profesor Logik tentu akan minum minyak kereta campur dengan cecair asid.

Soalan: Apakah hujah (atau hujah-hujah) INDUKTIF yang tersebut di atas?

- A. III sahaja.
- B. II dan III sahaja.
- C. II sahaja.
- D. I, II dan III sahaja.
- E. Tiada hujah induktif yang tersebut di atas.

38. Sila tumpukan perhatian anda kepada ayat-ayat berikut:
- I. Pak Kaiser tidak mencintai semua manusia yang mencintai diri sendiri.

- II. Pak Kaiser mencintai setiap manusia di dalam dunia ini, kecuali mereka yang mencintai diri sendiri.
- III. Pak Kaiser mencintai setiap manusia di dalam dunia ini yang mencintai diri sendiri.
- IV. Pak Kaiser mencintai setiap manusia di dalam dunia ini yang tidak mencintai diri sendiri.
- V. Pak Kaiser tidak mencintai setiap manusia yang tidak mencintai diri sendiri.

Soalan: Antara I hingga V yang tersebut di atas, ayat yang manakah yang SEMESTINYA TIDAK BENAR atau TIDAK LOGIK (iaitu TIDAK KONSISTEN)?

- A. II dan IV sahaja.
 - B. II sahaja.
 - C. IV sahaja.
 - D. I dan V sahaja.
 - E. Tiada ayat yang tidak konsisten.
39. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRADIKSI dengan “Semua bintang neutron berputar 100 kali dalam masa satu saat”?
- A. Beberapa bintang neutron berputar 100 kali dalam masa satu saat.
 - B. Beberapa bintang neutron tidak berputar 100 kali dalam masa satu saat.
 - C. Beberapa bintang yang berputar 100 kali dalam masa satu saat merupakan bintang neutron.
 - D. Hanya bintang yang berputar 100 kali dalam masa satu saat merupakan bintang neutron.
 - E. Tiada bintang neutron yang berputar 100 kali dalam masa satu saat.

...18/-

40. Pernyataan yang manakah yang BERKONTRARI dengan “Semua mikrob boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif”?

- A. Hanya bintang yang boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif merupakan mikrob.
- B. Tiada mikrob yang boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif.
- C. Beberapa mikrob tidak boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif.
- D. Beberapa ekor binatang yang boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif bukanlah mikrob.
- E. Semua binatang yang boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif merupakan mikrob.

BAHAGIAN B [50%]

(*Bincangkan hujah-hujah berikut secara kritis:

41. Kita mesti menolak hipotesis Profesor Stephen Hawking yang mengatakan manusia boleh berjalan ke bintang Alpha Centauri (bintang yang paling dekat dengan matahari) dengan menggunakan kapal angkasa lepas yang dikuasa oleh bahan anti (*antimatter*). Sebenarnya tiada bukti yang menunjukkan kita mampu membina sebuah kapal angkasa yang menggunakan bahan anti; dan masih tiada bukti fizikal yang menunjukkan bahan anti itu wujud.
42. Semua bakteria boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif, dan bakteria memang merupakan sejenis mikrob. Jadi semua mikrob juga boleh hidup berjuta-juta tahun dengan menjadi spora yang tidak aktif.
43. Semua negara yang bersifat demokrasi akan memilih pemimpinnya melalui pilihanraya. Amerika Syarikat memilih pemimpinnya melalui pilihanraya. Jadi Amerika Syarikat mestilah sebuah negara yang bersifat demokrasi.
44. John suka makan pisang emas, dan tahun lepas John telah mati kerana menghidap penyakit barah paru-paru. Jadi agak jelas bahawa makanan seperti pisang emas mengandungi bahan-bahan kimia berbahaya yang boleh mengakibatkan penyakit barah paru-paru.
45. Belanda merupakan sebuah negeri kecil yang sangat kaya, dan Dr. Kaiser berasal dari negeri Belanda. Jadi Dr. Kaiser mesti merupakan seorang kecil yang sangat kaya.